

HIP - TAMAN KEKAL PENGELOUARAN MAKANAN (TKPM)

I. LATAR BELAKANG PROGRAM/PROJEK

1. Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) merupakan satu strategi di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk menggalakkan pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta. Pembangunan TKPM melibatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pengusaha. Bagi memudahkan pelaksanaan program di atas, Perjanjian Persefahaman (MOU) TKPM telah ditandatangani oleh Menteri Pertanian dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri di semua negeri. Program TKPM mula dibangunkan pada RMK 8.
2. Projek Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) selain daripada memfokuskan kepada pengeluaran makanan khususnya buah-buahan dan sayur-sayuran, projek ini juga dilaksanakan dengan tujuan untuk mengatasi masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk pengeluaran makanan yang sering dihadapi oleh usahawan dan sektor swasta. Selain dibangunkan di tanah Kerajaan Negeri ianya juga melibatkan pembangunan ditanah milik Kerajaan Persekutuan dan tanah-tanah di stesen-stesen pertanian.
3. Kerajaan Persekutuan akan menyediakan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur ladang seperti jalan (jalan masuk dan jalan ladang), sistem perparitan dan saliran, sistem pengairan utama, pusat pengumpulan hasil, bekalan elektrik dan bekalan air. Lot-lot tanah yang dibangunkan ini kemudian disewakan kepada usahawatani pada satu kadar yang berpatutan sebagai insentif kerajaan untuk membantu mengurangkan kos pembangunan yang perlu ditanggung oleh pelabur. Projek TKPM diwujudkan bagi tujuan;
 - i. Mewujudkan zon kekal bagi pengeluaran tanaman makanan;
 - ii. Menggalakkan penglibatan usahawan dan sektor swasta dalam pengeluaran tanaman makanan;
 - iii. Meningkat dan menyumbang pengeluaran makanan negara yang mencukupi, berkualiti dan mapan dalam konteks mengurangkan defisitimbangan perdagangan;
 - iv. Menggalakkan pembangunan rantaian bekalan makanan bersepada;

- v. Mensasarkan pendapatan bersih peserta kepada sekurang-kurangnya RM 3,000/bulan;
4. Bagi meningkatkan penglibatan pihak swasta dan memberi impak yang lebih besar kepada pengeluaran makanan negara, kerajaan telah menambah satu konsep baru dalam pembangunan TKPM iaitu TKPM Swasta dalam RMKe 9. Konsep pembangunan TKPM Swasta hampir sama seperti TKPM Usahawan (TKPM sediada) dengan perbezaan seperti berikut;
 - Melibatkan kawasan yang lebih luas;
 - Diperuntukan kepada syarikat-syarikat swasta sahaja

II. PENJELASAN MENGENAI PROJEK

5. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) menyediakan kawasan kekal bagi pengeluaran makanan khususnya buah-buahan dan sayur-sayuran. Ini bertujuan bagi mengatasi masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk pengeluaran makanan yang sering dihadapi oleh usahawan dan sektor swasta. TKPM juga memainkan peranan yang penting dalam menyediakan tapak projek untuk usahawan tani lepasan latihan khasnya daripada Pusat Inkubator Jabatan Pertanian.
6. Projek TKPM yang dicadangkan di bawah RMKe-9 adalah sebagai salah satu projek berimpak tinggi (HIP) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sebahagian daripada lokasi TKPM sedia ada dilaksanakan di kawasan yang mempunyai tanah yang bermasalah dan memerlukan kos pembangunan yang tinggi. Oleh itu bagi memastikan kejayaan projek mencapai sasaran, penambahbaikan terutama pada struktur tanah, kesempurnaan pembangunan projek perlu diambil perhatian.
7. Pemantauan yang berterusan akan dilaksanakan untuk memastikan perjalanan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual. Jentera operasi yang mencukupi adalah diperlukan untuk memastikan penanaman dapat dijalankan mengikut jadual. Keperluan asas juga diperlukan supaya ladang dapat beroperasi sepetimana kehendak pengurusan amalan pertanian yang baik dan dapat meningkatkan hasil projek seperti dirancang.
8. Bagi mempastikan peningkatan pengeluaran bahan makanan negara dan penglibatan usahawan dalam bidang tersebut, usaha akan ditumpu kepada pembukaan kawasan baru bagi penyediaan tapak projek dan melengkapkan semua keperluan-keperluan

infrastruktur asas serta mengguna pakai teknologi-teknologi terkini seperti system perparitan dan saliran yang sempurna, system pengairan utama, jalan ladang yang sempurna, bekalan elektrik dan bekalan air. Ini bertujuan untuk menarik minat usahawan untuk menceburi dalam bidang berkenaan dan juga pihak swasta yang mana berperanan sebagai 'Anchor Company' bagi membantu usahawan dalam penyaluran teknologi dan pemasaran. Dengan adanya kemudahan ini hasil pengeluaran yang berkualiti dapat dikeluarkan mengikut perancangan yang ditetapkan. Bekalan elektrik adalah diperlukan untuk kegunaan dalam pengamalan teknologi moden seperti fertigasi, kegunaan dalam system pasca tuai seperti gredding dan pembungkusan. Bekalan air diperlukan untuk menggalakkan pertanian ke arah amalan pertanian baik seperti pembersihan hasil-hasil ladang dan kegunaan harian pekerja ladang. Pengangkutan hasil-hasil pertanian ke tempat pengumpulan hasil/pemprosesan hasil atau ke lokasi-lokasi pemasaran juga akan diberi supaya ianya dapat dijalankan dengan lebih cepat dan sistematis.

9. Skop dan komponen bagi projek pada masa ini adalah merangkumi penyediaan kawasan dan pembinaan infrastruktur serta kemudahan asas yang diperlukan, penyelenggaraan dan baik pulih tanah. TKPM dilaksanakan melalui 3 kategori mengikut teknologi pengeluaran yang diamalkan iaitu :-.

(i) Penanaman secara terbuka;

Bagi pengeluaran menggunakan teknologi penanaman secara terbuka, ianya melibatkan pembersihan kawasan, penyediaan kawasan (termasuk pengukuran dan pembahagian lot, penyiasatan tanah), pagar sempadan, perparitan, sistem pengairan, jalan ladang, rumah kediaman untuk peserta, pejabat ladang dan pusat pengumpulan hasil, stor, peralatan kejenteraan pertanian. Ianya juga melibatkan penyediaan laporan EIA/EMP dan ICT serta kemudahan air dan elektri. Kadar bantuan maksimum adalah RM20,000 sehektar.

(ii) Penanaman di bawah struktur berjaring;

Bagi pengeluaran menggunakan teknologi pengeluaran secara terkawal di bawah struktur berjaring, selain daripada penyediaan infrastruktur dan kemudahan sebagaimana untuk penanaman secara terbuka, struktur berjaring juga perlu dibina. Kadar bantuan maksimum adalah RM75,000 sehektar.

(iii) Penanaman secara fertigasi di bawah pelindung hujan.

Bagi teknologi pengeluaran secara terkawal menggunakan kaedah fertigasi di bawah pelindung hujan, selain daripada infrastruktur dan kemudahan sebagaimana yang di perlukan untuk penanaman secara terbuka, struktur pelindung hujan dan sistem fertigasi perlu juga disediakan. Kadar bantuan maksimum yang dicadangkan ialah RM750,000 sehektar. Pecahan perbelanjaan mengikut aktiviti sehektar bagi penanaman secara fertigasi di bawah pelindung hujan adalah seperti di bawah :-

- a. Rata dan tambak tapak – RM 80,000/ha
- b. Rumah Lindungan (27unit/ha@RM14,000/unit) – RM378,000
- c. Sistem Pengairan (Operasi) (9 unit@RM5,000/unit) – RM45,000
- d. Rumah nutrien, kolam takungan, lain-lain peralatan– RM140,000
 - i. Rumah nutrien-RM10,000/unit@90unit- RM 90,000
 - ii. Kolam takungan-RM20,000/unit
 - iii. Lain-lain peralatan –RM30,000
- e. Letrik dan PPHL – RM 107,000

(iv) Penyelenggaraan

Memandangkan kos infrastruktur dan kemudahan asas dalam TKPM adalah sangat tinggi, infrastruktur dan kemudahan yang telah disediakan di TKPM sedia ada ini seperti jalan ladang, perparitan, sistem pengairan, kolam takungan dan bangunan pejabat, stor, pusat pengumpulan hasil serta tempat kediaman peserta perlulah diselenggara dengan baik. Kadar bantuan maksimum yang diperuntukan untuk penyelenggaraan ialah RM 500 sehektar.

(v) Pemulihan Tanah

Bagi TKPM yang mempunyai jenis tanah yang tidak subur (seperti tanah BRIS dan tanah bekas lombong), peruntukan juga perlu disediakan untuk memperbaiki kesuburan tanah dengan memberi kemudahan seperti pembinaan bangsal kompos dan input-input yang diperlukan untuk membuat kompos yang boleh membaiki mutu dan kesuburan tanah. Kadar maksimum yang diperlukan adalah RM 2,000 sehektar.